

# Tanggapan salah Aids

Bukan lagi penyakit pembunuh tetapi kronik

H.M 2/12/07 MP 28

>>Oleh NORLAILA HAMIMA  
Jamaluddin

norlaila@hmetro.com.my

SEORANG kanak-kanak berumur 10 tahun jatuh sakit selepas 15 hari makan nanas yang dibelinya daripada penjual buah-buahan potong. Apabila diperiksa, doktor mengesahkan beliau menghidap Aids. Berita ini memeranjatkan ibu bapanya kerana tiada dalam keluarga mereka yang dijangkiti virus HIV.

Doktor kemudiannya menyelidik apa yang dimakan kanak-kanak berkenaan dan apabila mengetahui dia pernah makan nanas, sekumpulan kakitangan daripada Hospital Malaya bergegas

mencari si penjual buah untuk diperiksa.

Mereka dapati penjual secara tidak sengaja melukakan jarinya ketika menghiris buah dan darahnya terkena pada buah-buahan potong yang dijualnya. Selepas ujian darah, lelaki berkenaan disahkan menghidap Aids dan tanpa sedar menjangkiti orang lain melalui buah-buahan jualannya.

Cerita ini macam pernah didengar, tetapi dari mana sumbernya ya? Petikan di atas adalah terjemahan emel yang tersebar luas di internet dan apa yang menyedihkan ialah ia tidak benar sama sekali. Boleh dikatakan setiap bulan ada saja emel sebegini tiba ke peti emel Majlis Aids

Malaysia.

Sampai sekarang masih ramai yang salah faham mengenai penyakit Aids. Lebih sedihnya jika salah faham daripada sumber yang tidak jelas ini disampaikan kepada orang lain tanpa mengesahkan terlebih dulu kebenarannya kerana ia hanya akan mencetuskan kebimbangan yang tidak berasas.

Bahkan sampai sekarang pun, sebahagian besar masyarakat masih mempunyai pandangan negatif dan stigma terhadap pesakit HIV/Aids. Kebanyakannya menganggap pesakit Aids sebagai satu golongan yang perlu di jauhi kerana bimbang virus yang hidup dalam badan mereka akan berjangkit pada

## Jumlah pesakit mengikut keturunan

Keturunan	Jangkitan HIV	Kes Aids
Melayu	55,238	7,384
Cina	11,216	3,392
India	6,193	961
Bumiputra Sarawak	265	122
Bumiputra Sabah	365	134
Orang Asli	39	0
Lain-lain	471	125
(Semenanjung)		
Warga asing	2,414	374
Tiada maklumat	188	13

ita.

Anggapan begini patutnya sudah lama dihapuskan kerana virus yang ditakuti ramai itu tidak berjangkit kerana rama gigitan nyamuk atau serangga, batuk, bersin, sentuhan, pelukan, bersalaman, air kencing, peluh, berkongsi makan, pinggan atau tandas serta berkawan dengan pesakit. Malah, virus HIV juga tidak akan berjangkit jika ia secara tidak sengaja termasuk dalam makanan.

Walaupun maklumat ini sudah diulang berkali-kali namun stigma dan diskriminasi terhadap pesakit HIV/Aids tetap tebal. Malah, di kalangan kakitangan kesihatan dan pengamal perubatan sendiri pun masih

ada yang prejudis kepada pesakit HIV/Aids.

Sehingga kini, hanya ada 40 perawat teras untuk semua pesakit HIV/Aids di seluruh negara. Peningkatan jumlah kes HIV/Aids dan kurang pendedahan di kalangan pengamal perubatan terhadap pesakit menyebabkan keperluan terhadap doktor untuk merawat dan menguruskan penyakit ini semakin meruncing.

Kebimbangan dijangkiti turut dialami kakitangan kesihatan yang menjaga dan merawat pesakit HIV/Aids. Namun, risikonya amat rendah dan kebarangkalian jangkitan ini boleh berlaku melalui kemalangan di tempat kerja seperti tercucuk ja-



DR ADEEBA... stigma dan diskriminasi tutup peluang pesakit dapat rawatan.



DR LEE... HIV/Aids bukan sekadar jangkitan virus.